

**Asem Gesa Usaha Atasi Isu Ekonomi Dunia Dipertingkat
Bernama
06 November, 2012
Oleh Jamaluddin Muhammad**

VIENTIANE, Nov 6 (Bernama) -- Sidang Kemuncak Asia-Eropah (Asem) ke-9 menggesa agar usaha bersama yang lebih berkesan bagi menangani cabaran ekonomi dunia dipertingkat.

Vientiane Declaration on Strengthening Partnership for Peace and Development (Deklarasi Vientiane mengenai Pengukuhan Perkongsian untuk Keamanan dan Pembangunan) pada akhir mesyuarat dua hari di sini itu, berkata usaha tersebut termasuk pembaharuan sistem kewangan antarabangsa.

Pengalaman krisis kewangan Asia pada 1997 dan situasi terkini ekonomi serta cabaran kewangan di Eropah menuntut keperluan bekerjasama dalam bidang ekonomi, kewangan dan perdagangan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan seimbang dan mampan ekonomi dunia untuk jangka panjang.

Cabaran lain ialah keselamatan makanan, tenaga, pengurusan sumber air, perubahan harga komoditi, pengangguran, pendatang tanpa izin dan penyeludupan manusia.

Deklarasi itu berkata kemajuan dalam menangani cabaran tersebut akan memberi asas kukuh untuk pertumbuhan yang mampan, kesaksamaan ekonomi dan sosial, keadilan, kelestarian mata pencarian dan pengurusan sumber.

Pemimpin dari 20 negara Asia dan 29 negara Eropah hadir pada sidang kemuncak yang berlangsung di National Convention Centre, di sini.

Dalam mengukuhkan perkongsian bagi pembangunan antara kedua-dua rantau, deklarasi itu antara lain menekankan komitmen pemimpin menangani isu kemiskinan serta mencapai sasaran pembangunan.

Ini bagi memastikan Matlamat Pembangunan Millenium dalam pembasmian kemiskinan, kesaksamaan dan kelestarian pembangunan serta pertumbuhan menyeluruh, dicapai.

Menurut deklarasi itu, mereka komited untuk mempertingkatkan keterbukaan dan keadilan perdagangan barangan serta perkhidmatan, pelaburan, peluasan pasaran serta menentang fahaman perlindungan dalam segala bentuk, yang merupakan syarat penting untuk mengekalkan pemulihan ekonomi global.

Dalam mengukuhkan perkongsian untuk keamanan, deklarasi itu menyentuh mengenai pembaharuan komitmen oleh pemimpin bagi memperluaskan dialog antara agama serta sumbangannya dalam mempertingkatkan perpaduan masyarakat, keamanan dan pembangunan.

Deklarasi itu juga mengiktiraf peranan UN Alliance of Civilisations serta konsep kesederhanaan yang dibawa Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM).

GMM yang diasaskan Malaysia antara lain menganjurkan pendekatan sederhana dalam menangani konflik.

Sidang Kemuncak Asem diadakan sekali setiap dua tahun dan penganjuran dilakukan secara bergilir antara kedua-dua rantau.

Cyprus akan menganjurkan sidang kemuncak akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707526>